

# Kerajaan mahu kaji semula pemberian baucar buku 1Malaysia

BANGI - Pemberian Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) akan dikaji semula sama ada ia perlu diberi secara tunai atau sebaliknya sebagai langkah mengelak penyalahgunaan dalam kalangan pelajar di negara ini.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Idris Jusu berkata, pihaknya akan meneliti dan membuat kajian secara menyeluruh berhubung perkara itu bermula tahun depan bagi melihat perkara terbaik yang perlu dilaksanakan.

"Perlu diingat BB1M ini bukan sekadar buku percuma sebaliknya ia dapat menggalakkan budaya membaca dalam kalangan pelajar kita," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penutup Program Jom Masuk Institusi Pengajian Tinggi



IDRIS



KERAJAAN akan mengkaji semula pemberian baucar BB1M bagi mengelak para pelajar menjualnya bagi mendapatkan wang tunai. - Gambar hiasan

(IPT) di Dataran Gemilang, **Universiti Kebangsaan Malaysia** di sini semalam.

BB1M merupakan salah satu inisiatif yang diwujudkan kerajaan pada tahun 2012 bagi meringankan beban perbelanjaan pembelian buku pengajian dan memupuk minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

Bagaimanapun, menurut laporan media, terdapat sebahagian

pelajar yang didapati menjual BB1M bernilai RM250 kepada kedai-kedai buku bagi mendapatkan wang tunai antara RM190 dan RM230.

Menyentuh mengenai program Jom Masuk IPT, Idris berkata, setakat ini pihak kementerian telah menerima 300,00 permohonan daripada para pelajar yang mahu memasuki universiti awam bagi sesi akademik 2016/2017.